

UPSI tekankan budaya BAIKK bentuk sahsiah pelajar

Tanjong
Malim,
8 Julai -

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh sahsiah dan identiti pelajar menerusi penghayatan budaya BAIKK dalam kalangan pelajar baharu Diplomaambilan Julai sesi 2025/2026.

Budaya BAIKK merangkumi lima elemen utama iaitu Bangsa UPSI, Adab, Ilmu, Keluarga dan Kreativiti, yang menjadi teras dalam membentuk mahasiswa holistik dan berdaya saing.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pelajar perlu sentiasa berbangga dengan universiti sebagai institusi berprestij yang banyak menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

"Bangga UPSI bukan sekadar slogan, tetapi simbol penghargaan terhadap warisan dan legasi universiti," katanya ketika menyempurnakan Majlis Bacaan Ikrar Pelajar

Baharu di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, baru-baru ini.

Menurutnya, adab adalah asas penting dalam membina jati diri mahasiswa berintegriti dan beretika.

"Adab mendahului ilmu. Ilmu tanpa adab boleh membawa kebinasaan, sebaliknya dengan adab, ilmu akan lebih diberkati dan dihormati," katanya. Beliau turut menegaskan bahawa ilmu perlu menjadi teras utama sepanjang tempoh pengajian, bukan sekadar untuk memperoleh diploma semata-mata.

"UPSI ialah kampus ilmu. Tuntutlah ilmu dengan bersungguh-sungguh dan jangan berhenti belajar walaupun selepas bergelar graduan," katanya. Tambahnya, elemen keluarga diterapkan bagi membina suasana kampus yang harmoni dan saling menghormati antara pelajar, pensyarah dan warga universiti.

"Kita adalah satu keluarga besar di UPSI. Hubungan yang berasaskan kasih sayang dan saling membantu mampu mewujudkan ekosistem pembelajaran yang positif," katanya.

Beliau berkata, elemen kreativiti penting dalam melahirkan pelajar yang mampu berfikir di luar kotak serta bersaing di peringkat global.

"Saya harap pelajar akan tampil dengan idea segar dan berinovasi, bukan sekadar cemerlang akademik tetapi juga mempunyai nilai tambah," katanya.

Seramai 624 pelajar baharu diploma mendaftar pada 6 Julai lalu, melibatkan beberapa fakulti termasuk Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) serta Fakulti Sains dan Matematik (FSM).



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Kerajaan Terengganu sampai penghargaan kepada UPSI bantu mangsa nahas

Tanjong Malim, 11 Julai - Kerajaan Negeri Terengganu telah menyampaikan surat penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai tanda terima kasih atas keprihatinan luar biasa dan kerjasama erat dalam membantu mangsa nahas kemalangan bas yang melibatkan pelajar universiti berkenaan.

Surat tersebut diserahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, Maliaman Kassim kepada Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, dalam satu kunjungan rasmi ke kampus UPSI baru-baru ini. Menurut Maliaman, penghargaan itu adalah manifestasi ucapan terima kasih Kerajaan Negeri Terengganu terhadap sikap cekap, empati dan

komitmen tinggi yang ditunjukkan UPSI dalam menguruskan insiden yang menimpa anak-anak Terengganu yang menuntut di universiti tersebut. “Bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu dan seluruh rakyat negeri ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak UPSI atas keprihatinan dan kerjasama yang amat bermakna dalam membantu para pelajar yang terlibat dalam nahas baru-baru ini,” ujarnya.

Tambah beliau, tindakan pantas serta pendekatan berperikemanusiaan oleh pihak universiti, termasuk penyediaan bantuan kecemasan, sokongan moral dan pengurusan krisis yang tersusun, telah memberi impak besar kepada mangsa dan ahli keluarga mereka.

UPSI Perintis Gerakan Advokasi Kesihatan Wanita di IPT – Noraini

Tanjong Malim, 10 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) muncul sebagai perintis dalam gerakan advokasi kesihatan dan kebersihan wanita di institusi pengajian tinggi menerusi menganjuran Program Advokasi Kesihatan dan Kebersihan Siswi: Sihat Itu Cantik.

Program tersebut merupakan salah satu slot sempena Minggu Intelektual dan Interaksi Anak Kandung Suluh Budiman bagi pelajar baharu Diploma UPSI ambilan Julai 2025 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

berkata, kesedaran terhadap kesihatan dan kebersihan diri dalam kalangan siswi IPT perlu dipertingkatkan secara serius bagi melahirkan generasi wanita muda yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah sihat dari segi fizikal dan mental.

“Mentaliti masyarakat yang mengaitkan kecantikan wanita dengan rupa paras semata-mata perlu diubah. Kecantikan sebenar bermula dengan tubuh yang sihat, kefahaman terhadap tubuh sendiri, serta sikap menghormati dan menyayangi diri secara menyeluruh,”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan program tersebut yang dihadiri lebih 600 orang mahasiswi baharu UPSI di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI di sini.



PROJEK PEMINDAHAN ILMU (KTP) – Pendidikan Kecergasan Untuk Warga Emas

Projek ini menekankan kepentingan aktiviti fizikal, pemakanan seimbang dan kesejahteraan mental untuk warga emas. Pendekatan holistik ini membantu mengekalkan kesihatan, mengurangkan penyakit kronik dan menggalakkan interaksi sosial sekali gus memastikan mereka hidup berdikari, bermaruah dan berdaya tahan dalam komuniti.

ILMU YANG BERJAYA DIPINDAHKAN

Senaman Sebagai Ubat - Menekankan strategi senaman peribadi untuk penyakit kronik seperti sakit jantung. Disarankan aktiviti kardiovaskular intensiti sederhana lima hari seminggu, latihan kekuatan dua hingga tiga kali seminggu dan senaman keseimbangan. Kesihatan Mental dan Kesejahteraan - Menekankan kefahaman tentang persepsi warga emas terhadap “kualiti hidup”, menegaskan bahawa optimisme menurun dengan usia dan komunikasi serta hidup tanpa kesakitan kronik adalah faktor utama. Akur Tekan Muka - Menekankan teknik

asas aku tekanan muka untuk warga emas.

HASIL AKHIR KEPADA INDUSTRI/ KOMUNITI SASARAN

Peserta dilengkapkan dengan pengetahuan senaman asas, latihan fungsional, teknik akutekanan, fleksibiliti, pengurusan berat badan, preskripsi senaman, kesejahteraan mental, dan strategi mengatasi gangguan tidur untuk meningkatkan kualiti hidup.

HASIL AKHIR KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Peserta diperkasa dengan pengetahuan senaman untuk cegah kecederaan, tingkatkan mobiliti serta strategi pemakanan seimbang untuk penuaan sihat, membantu membina tabiat makan berterusan demi kesihatan optimum.

PULANGAN AKHIR KEPADA IPTA

Program ini berjaya menaikkan imej institusi penaja terhadap kesihatan komuniti. Pensyarah dan pelajar IPTA turut mendapat pengalaman bermakna dalam penglibatan komuniti dan pembelajaran praktikal.

HASIL AKHIR TIDAK LANGSUNG YANG DITERIMA OLEH INDUSTRI/ KOMUNITI (SASARAN)

Program ini meningkatkan penglibatan komuniti dengan industri kesihatan dan mendidik peserta tentang kepentingan aktiviti fizikal dan pemakanan sekali gus memperluas kesedaran masyarakat terhadap amalan penuaan sihat.

ISU/MASALAH/ CABARAN KETIKA MELAKSANAKAN PROGRAM

Program menghadapi cabaran merekrut peserta sektor korporat, masalah menuntut cenderamata serta gangguan penilaian akibat masalah teknikal aplikasi Quizizz yang perlahan dan sukar diakses.

NAMA PENYELIDIK

- Dr. Mohd Huzairi Mohd Sani (Ketua) - FSSKj
- Dr. Ebby Waqqash Mohammad Chan - FSSKj
- Dr. Nurul Fadhilah Abdullah - FSSKj
- Dr. Neni Widiasmoro Selamati - FSSKj
- Saudari Nor Aindaziah Anuar - Graduate Intern

